

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 1 APRIL 2015 (RABU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                         | <b>Akhbar</b>   |
|------------|----------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 1.         | MOSTI peruntuk RM50j beli balik produk                               | Utusan Malaysia |
| 2.         | MOSTI peruntuk RM50 juta untuk pembelian balik produk inovasi tinggi | BERNAMA         |
| 3.         | Aplikasi semak harga lepas GST                                       | Harian Metro    |
| 4.         | 121 insiden penipuan ugutan siber dilaporkan pada 2014               | BERNAMA         |
| 5.         | Ciptaan penyelidik raih perhatian                                    | Sinar Harian    |
| 6.         | We need pragmatic solutions for our education woes                   | Malay Mail      |
| 7.         | SIRIM terbitkan panduan pasang kipas                                 | Utusan Malaysia |
| 8.         | Ribut petir dijangka berterusan hingga awal pagi Rabu                | BERNAMA         |
| 9.         | Angkasa perkenal sijil patuh syariah ke peringkat antarabangsa       | BERNAMA         |

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18**  
**TARIKH: 01 APRIL 2015 (RABU)**

## **MOSTI peruntuk RM50j beli balik produk**

**KUALA LUMPUR 31 Mac** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menjalankan dasar pembelian balik produk penyelidikan berimpak tinggi yang dihasilkan syarikat awam yang dibiayai 100 peratus oleh kementerian itu.

"Syarikat yang layak dibeli produknya adalah mereka yang telah menggunakan ketiga-tiga sumber kewangan kementerian, iaitu dana sains, dana inovasi dan dana teknologi.

"Kami telah mendapat kebenaran khas untuk membeli produk tersebut dan akan menggunakan RM50 juta yang diperuntukkan kerajaan melalui bajet 2015," kata Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Jumlah RM50 juta itu termasuk RM290 juta peruntukan kerajaan bagi sektor penyelidikan dan pembangunan tahun ini.

Menurutnya, MOSTI sedang meneliti beberapa perkara dengan kementerian kewangan dan akan menjalankan dasar pembelian balik tidak lama lagi.

Abu Bakar berkata demikian selepas menjadi saksi pemetraian dua memorandum persefahaman, iaitu di antara Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL) dengan Institut Pengurusan Wanita dan di antara DPMMKL dengan Sirim Bhd.

Katanya, dasar tersebut bertujuan menjadi pemangkin bagi produk tempatan yang baharu kerana kurang mendapat keyakinan di kalangan pelanggan.

Menurutnya, MOSTI merancang mengkomersilkan sekurang-kurangnya 60 produk inovatif setahun sejajar dengan harapan kerajaan untuk mengkomersilkan 360 produk inovatif menjelang 2020.

"Sehingga tahun lepas, MOSTI berjaya mengkomersilkan 66 produk inovatif yang dihasilkan syarikat tempatan," katanya.

**-BERNAMA**



## MOSTI Peruntuk RM50 Juta Untuk Pembelian Balik Produk Inovasi Tinggi

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) bakal menjalankan dasar pembelian balik produk penyelidikan berimpak tinggi yang dihasilkan syarikat awam yang dibiayai 100 peratus oleh kementerian itu.

"Syarikat yang layak dibeli produknya adalah mereka yang telah menggunakan ketiga-tiga sumber kewangan kementerian, iaitu dana sains, dana inovasi dan dana teknologi.

"Kami telah mendapat kebenaran khas untuk membeli produk tersebut dan akan menggunakan RM50 juta yang diperuntukkan kerajaan melalui bajet 2015," kata [Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#).

Jumlah RM50 juta itu termasuk RM290 juta peruntukan kerajaan bagi sektor penyelidikan dan pembangunan tahun ini.

Menurutnya, kementerian berkenaan sedang meneliti beberapa perkara dengan kementerian kewangan dan akan menjalankan dasar pembelian balik tidak lama lagi.

Abu Bakar berkata demikian selepas menjadi saksi pemetraian dua memorandum persefahaman, iaitu di antara Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL) dengan Institut Pengurusan Wanita dan di antara DPMMKL dengan [Sirim Bhd](#).

Katanya, dasar tersebut bertujuan menjadi pemangkin bagi produk tempatan yang baharu kerana kurang mendapat keyakinan di kalangan pelanggan.

Menurutnya, MOSTI merancang mengkomersilkan sekurang-kurangnya 60 produk inovatif setahun sejajar dengan harapan kerajaan untuk mengkomersilkan 360 produk inovatif menjelang 2020.

"Sehingga tahun lepas, MOSTI berjaya mengkomersilkan 66 produk inovatif yang dihasilkan syarikat tempatan," katanya.

-- BERNAMA



**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (IT @METRO) : MUKA SURAT V6**  
**TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)**



## Aplikasi semak harga lepas GST

**Kementerian** Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melancarkan aplikasi telefon mudah alih 'MyKira GST' yang membolehkan pengguna membuat semakan segera impak Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) terhadap harga lebih 10,000.

Aplikasi terbabit hasil kerjasama dengan **MIMOS Bhd** yang turut membolehkan pengguna yang tidak berpuas hati membuat aduan terus melalui saluran e-aduan yang disediakan.

Dengan tiga langkah melalui MyKira GST, pengguna boleh menyemak harga barangan dalam julat manakala semua e-aduan melalui aplikasi ini akan diambil tindakan segera

dengan dihantar terus ke pasukan penguatkuasaan.

Aplikasi ini boleh dipindah turun secara percuma daripada Google Play Store mulai sekarang manakala bagi Apps Store dalam tempoh terdekat.

Bagaimanapun, ia memerlukan talian Internet bagi pengiraan dan senarai produk.

Apa yang perlu anda masukkan bagi membolehkan semakan dibuat adalah nama barang, berat bersih/kandungan/unit, harga terkini, nama kedai dan kawasan parlimen.

Bagi penguji agak tidak relevan untuk memasukkan kawasan parlimen dan pembangun perlu menyediakan sendiri harga lama berbanding meminta pengguna memasukkan

sendiri harga terbabit.

Selepas itu, aplikasi terbabit akan menyatakan sama ada harga yang ditawarkan mengikut harga sebenar selepas GST.

Meskipun penguji memasukkan angka yang tidak munasabah bagi telur ayam gred D iaitu sebanyak RM20 untuk 10 biji, aplikasi terbabit masih mengiranya sebagai harga yang dibenarkan dalam julat GST.

Jadi, pihak pembangun seharusnya memandang serius masalah terbabit.

Selain itu, pihak yang membangunkan aplikasi perlu memperbaiki beberapa aspek termasuk relevanan pengaktifan lokasi untuk memeriksa barangan kerana ia memendekkan jangka hayat bateri.

Malah, pihak pemban-

gun boleh memilih satu lagi fungsi iaitu pengesanan kod bar atau QR yang lebih memudahkan.

Manakala senarai barangan juga perlu ditambah apabila penguji melihat tiada senarai seperti harga kenderaan, komputer dan makanan segera.

Agak meletihkan apabila pengguna terpaksa memasukkan sendiri harga barangan yang perlu disemak berbanding hanya mengimbasnya dan angka akan terpapar sendiri ke skrin.





## 121 Insiden Penipuan Ugutan Siber Dilaporkan Pada 2014

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Sebanyak 121 insiden penipuan ugutan siber dilaporkan kepada Pusat Bantuan Cyber999 pada 2014.

Dalam kenyataan di sini Selasa, [Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab](#) berkata jumlah insiden yang dilaporkan meningkat pada suku pertama 2015 kepada 25 berbanding 21 pada tempoh sama tahun lepas.

"Berdasarkan statistik Cyber999, kami mengesyaki pelaku adalah lelaki warga asing yang melakukan penipuan dari pelbagai lokasi, menyasarkan mangsa terutamanya remaja hingga peringkat umur pertengahan, menggunakan 'tagged' dan perbualan video dalam talian seperti Skype untuk menjalankan aktiviti mereka," katanya.

Selain mangsa di Malaysia, penipuan itu turut membabitkan mangsa di seluruh dunia.

Pengguna Internet Malaysia dinasihatkan supaya mematuhi amalan dan etika terbaik semasa menggunakan media sosial, dan aktiviti luar biasa yang mencurigakan di internet perlu segera melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi [CyberSecurity Malaysia](#) di talian 1-300-88-2999 dan 019-2665850 atau melalui SMS -- CYBER999 REPORT EMAIL COMPLAINT kepada 15888.

Ia juga boleh dihubungi secara dalam talian pada <http://www.mycert.org.my>, 'mycert' akaun Twitter atau melalui aplikasi mudah alih Cyber999 untuk pengguna Android atau IOS.

-- BERNAMA



# Ciptaan penyelidik raih perhatian



INOVASI KAMPUS

**K**ecemerlangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam penyelidikan dan inovasi terus mendapat perhatian dan pengiktirafan apabila meraih kejayaan di peringkat nasional sepanjang tahun ini.

Pengiktirafan itu membuktikan kemampuan penyelidik UTeM dalam penyelidikan dan inovasi untuk bersaing dengan penyelidik universiti lain, sama ada dalam dan luar negara, sekali gus mencoretkan nama UTeM di peta dunia.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof Ir Dr Mohd Jailani Mohd Nor, kejayaan tersebut membuktikan kehebatan UTeM yang bukan sahaja melahirkan graduan profesional dan berkemahiran teknikal tinggi, malah turut melahirkan penyelidik yang cemerlang bagi menghasilkan produk penyelidikan dan inovasi yang mampu merancang pembangunan dalam teknologi serta menyumbang elemen positif dalam pertumbuhan ekonomi negara ini.

UTeM sentiasa memberikan galakan dan ruang penyelidikan yang terbuka luas kepada semua kakitangan akademiknya dalam menzahirkan kebijaksanaan, daya kreativiti dan inovasinya dengan menghasilkan produk penyelidikan berdaya saing dan tinggi kualitinya.

Jelas beliau, penubuhan beberapa pusat kecemerlangan seperti Pusat Pembuatan Termaju (AMT),

UTeM mahu tempa kejayaan dalam penyelidikan dan inovasi

## RANGKUL ANUGERAH

Penyelidik UTeM telah meraih pelbagai kejayaan dan pingat dalam beberapa pertandingan penyelidikan dalam dan luar negara seperti di Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA), Ekspo Teknologi Malaysia (MTE), Malaysia Road Conference Invention & Innovation Exhibitions (MRC-IEE), Pameran Reka Cipta Inovasi dan

Pusat Penyelidikan Telekomunikasi dan Inovasi (C-ACT), Pusat Teknologi Komputer Termaju (C-ACT), Pusat Automasi Industri Robotik (CERIA) dan Pusat Penyelidikan Tenaga Termaju (CARE) merupakan bukti komitmen universiti dalam memperkasakan penyelidikan dan inovasi.

Teknologi Antarabangsa (ITEX), BioMalaysia & Bioeconomy Asia Pasific dan Seoul International Invention Fair (SIIF).

Selari ke arah merintis bidang penyelidikan, UTeM mengorak langkah dengan melakukan perubahan dalam mengemblem bidang tujuan Teknologi Pembuatan Termaju dan bidang kelestarian kejuruteraan yang menjadi bidang tujuan baru, yang kini dinamakan Teknologi Pembuatan Lestari.

Selain itu, penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) di UTeM juga berperanan memperhebatkan hasil penyelidikan berimpak tinggi yang memenuhi keperluan industri. Manakala Pusat Kecemerlangan Kompeten dari segi teknikal dan dipacu oleh industri, iaitu Technically Competent and Industry Driven atau TyCoE merupakan antara strategi unik UTeM dalam arena penyelidikan bersama industri.

Dari aspek pengkomersilan, UTeM turut mara ke hadapan dengan kejayaan mengkomersialkan dua produk penyelidikan iaitu *My 2nd Eye* dan *G-Coupon*. *My 2nd Eye* ialah peranti elektronik bagi membantu mengesan halangan bagi orang cacat penglihatan hasil ciptaan inovatif kumpulan penyelidik muda UTeM diketuai Engr

Anuar Mohamed Kassim. Pengkomersilan *My 2nd Eye* melalui penjualan produk kepada Standard Chartered Bank Malaysia Berhad sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat kepada Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia dan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia.

Manakala aplikasi *G-Coupon - Smart Green Parking* yang memberi solusi pintar yang berkesan dalam mengatasi masalah parkir telah berjaya dihasilkan oleh kumpulan penyelidik diketuai Prof Madya Dr Sazilah Salam.

Produk mesra persekitaran ini menjadi pilihan Syarikat Arus Rentas Sdn Bhd menerusi pembelian harta intelek (IP) secara mutlak.

Menerusi kejayaan produk ini, ia menjadi pemangkin agar penyelidik terus mempertingkatkan hasil penyelidikan yang dapat memenuhi pembangunan masyarakat, industri dan negara serta menjana pendapatan universiti.

UTeM juga turut berbangga dengan beberapa produk inovasi ciptaan penyelidikannya seperti jaket kalis peluru *DECO Armour 12*, kenderaan amfibia ZRT, lampu isyarat paparan tunggal (SDTF) dan banyak lagi yang telah mengharumkan nama universiti itu dalam meraih kejayaan.

Kecemerlangan universiti dalam dunia penyelidikan akan diperkukuhkan dengan melaksanakan beberapa pendekatan seperti menjadikan universiti penyelidikan di negara ini sebagai mentor, menjalinkan hubungan *win-win situation* dan juga memastikan setiap fakulti memberi tumpuan terhadap bidang tujuan sebagai fokus kekuatan yang memberi impak dan anjakan kepada pusat kecemerlangan.

PROF IR  
DR MOHD  
JAILANI



Produk *My 2nd Eye* yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidik muda dari UTeM.



Produk inovasi: Kenderaan amfibia ZRT



Inilah produk SDTF yang mendapat perhatian ramai.



# We need pragmatic solutions for our education woes

I WAS shocked when I saw the *Malay Mail* front page last Saturday, which read: "The world according to young Malaysians".

The 60 students interviewed were honest and the finding was another scary discovery of the product of our education system. Only four could name all states on a blank Malaysian map, although 45 could identify more than half. Eleven was aware our nation's population was 30 million. Only 20 teenagers knew of the coronation of the Sultan of Johor.

I would like to shed some light on why our students are as bad as what we discovered from the survey.


Our emphasis on Mathematics and Science has taken away the importance of History and Geography. Our focus on religion and supremacy of race has further decapitated those subjects. We don't study History and Geography in a detailed manner to know the world, Asia or what our ancestors did. We only study Islamic history and a bit of Malaysian history. We should be measured by what is taught than what is right. This is what you get if this is what was taught in our schools.

We are not getting any better in terms of the subject matter. We are only taught in a shallow manner. When there is no depth, we produce shallow students.

The "proof of the pudding is in the eating", why scorn the child when the input was equally poor? We must review our subject contents, their depth and values before we rush to change our education system far too often. We must look at our neighbouring countries like Singapore and see how we can improve our content and system. We must create a generation that is ready to lead and take on challenges and not a shallow, weak and inferior complex compared to our neighbouring states.

We must remember although Myanmar is a weak nation today, it was once a rare jewel from where U Thant, the first Asian to be the United Nations secretary-general, came from.

Malaysia's resources and experience were once very much sought after. We used to regularly train people from Myanmar, Vietnam, Laos, Cambodia, many of the African states and several Third World countries. We were known for our abilities in agriculture, youth development, management, foreign relations, economic planning, sports and even in industrial development. I have also witnessed several of groups of these people coming to Malaysia and attaching themselves with our RRI, Porim, Risdia, Felda, Intan, Technology Park Malaysia, Mimos, ISIS and many other government



Malay Mail front page on Saturday shows how young Malaysians fare on general knowledge.

agencies.

We were sharing our "know-how" because of our wonderful education system and the many great thinkers, technologists, scientists and luminary civil servants which we developed and created. We were leading in many areas, too.

Our voice in Asean was heard and was feared. We had Tan Sri Dr Augustine Ong, the late Tan Sri Dr Zain Azraai, the late Tan Sri Dr Noordin Sopiee, Tan Sri G.K. Rama Iyer, Tan Sri Dr Salleh, the late Tan

Sri Dr B.C. Sekhar, Tan Sri Razali Ismail, Datuk Dr Mazlan Othman and many other experts and luminaries in their areas and fields of work.

Are we producing these kind of people today? Why are we not? Why are our university rankings so miserable? Where did we go wrong?

The answer is reflected on the *Malay Mail* front page story. We cannot reach the moon if we have fundamental problems with our education system. We will reach

nowhere if we are not honest about our weaknesses and work on them in a professional manner.

We need no new systems or policies, but practical and pragmatic methods and subjects that will put our future generation on a platform where they can survive in this competitive world and represent our nation in any forum.

RAVINDRAN RAMAN KUTTY  
KUALA LUMPUR



## SIRIM terbitkan panduan pasang kipas

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN

ekonomi@utusan.com.my

**SHAH ALAM 31 Mac** - SIRIM Berhad (SIRIM) membangunkan panduan pemasangan dan penyelenggaraan kipas siling atau SIRIM 3:2014 dalam usaha mempromosikan amalan pemasangan peralatan tersebut dengan betul.

Pengurus Besar Kanan Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Standard SIRIM, Abdul Aziz Long berkata, standard industri SIRIM itu dibangunkan bagi meningkatkan kesedaran pengguna ekoran peningkatan kemalangan akibat pemasangan kipas siling secara salah.

Menurutnya, standard berkenaan dibangunkan dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Kerja Raya (JKR), persatuan pengguna dan pihak industri seperti Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd., Khind-Mistral Industries Sdn. Bhd., serta Penso-nic Sale and Service Sdn. Bhd.

"Standard ini telah dibangunkan sejak November 2013 dan diluluskan pada November tahun lalu dan boleh digunakan sebagai panduan pemasangan dan penyelenggaraan kipas siling dengan cara betul.

"Keperluan sebelum dan semasa pemasangan, verifikasi pemasangan serta penyelenggaraan kipas turut diberikan selain menggariskan keperluan terperinci pemasangan rod ke aci motor dan cangkuk siling, bilah kipas, wayar keselamatan, pengawal selia dan sambungan wayar kepada bekalan terminal dan kuasa," katanya ketika ditemui di pejabat SIRIM di sini baru-baru ini.

Abdul Aziz menjelaskan, standard industri SIRIM tersebut dijual pada harga RM30 dan sasaran pembeli ialah orang awam, kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam pemasangan kipas di tempat awam seperti sekolah dan penggiat industri.

"Ramai orang kini memandang ringan isu pemasangan kipas siling dengan mengambil jalan mudah untuk memasang sendiri atau memanggil orang yang tidak berkelayakan sekali gus menyumbang kepada peningkatan kemalangan.



**Standard industri SIRIM itu dibangunkan bagi meningkatkan kesedaran pengguna ekoran peningkatan kemalangan akibat pemasangan kipas siling secara salah."**

**ABDUL AZIZ LONG**  
Pengurus Besar Kanan Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Standard SIRIM

"Pembangunan standard ini dibuat atas keperluan industri kerana sebelum ini belum ada standard untuk pemasangan kipas siling dan ia juga sekali gus dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang pentingnya mereka memastikan pemasangan dibuat secara selamat oleh mereka yang berke- layakan.

"Pemasangan dan penyelenggaraan kipas siling sebenarnya penting kerana melibatkan isu keselamatan dan ramai yang tidak tahu cara-cara penjagaannya termasuk tindakan mengecat kipas siling yang mengun- dang bahaya," ujarnya.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz memberitahu, SIRIM sebelum ini juga telah membangunkan beberapa standard industri lain antaranya SIRIM 1:2014, garis panduan kebersihan tandas masjid dan surau; SIRIM 2:2014, garis panduan penarafan kebersihan tandas masjid dan surau dan SIRIM 4:2014, amalan baik untuk pelaksanaan pengurusan keselamatan berulang-alik dari dan ke tempat kerja.

"Pada masa akan datang kita menyasarkan untuk membangunkan standard bagi pemasangan pemanas air dan alat pendingin hawa ekoran peningkatan kemalangan akibat pemasangan salah alat tersebut terutamanya pemanas air di bilik mandi.

"Selain itu, SIRIM juga mengalu-alukan pihak luar untuk tampil memberi cadangan terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS) yang memerlukan khidmat standard bagi menjamin keluaran mereka kekal berkualiti," jelasnya.

Abdul Aziz berkata, standard SIRIM 3:2014 berkenaan akan dilancarkan secara rasmi pada 8 April ini di Auditorium Datuk Dato' Yahaya Ahmad di pejabat SIRIM Berhad, Shah Alam di sini.

Katanya, bersempena majlis pelancaran, satu seminar akan diadakan bagi memberi penerangan tentang standard tersebut, selain pembentangan kertas kerja tentang pengalaman isu keselamatan akibat pemasangan secara salah yang akan disampaikan oleh JKR dan punca serta kesan pemasangan salah yang akan disampaikan oleh wakil industri.

"Seminar ini dibuka kepada umum dan bayaran dikenakan mengikut tiga pakej yang ditawarkan iaitu Pakej A RM80 (meli- puti salinan standard dan makan minum), Pakej B RM50 (makan minum sahaja) dan Pakej C RM30 (untuk pelajar).

"Mereka yang berminat boleh hubungi talian 03-55108830 atau e-mel mawar@sirim.my dan shadjiah@sirim.my," ujarnya.



BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 01 APRIL 2015 (RABU)



## Ribut Petir Dijangka Berterusan Hingga Awal Pagi Rabu

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Ribut petir di perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Selat Melaka dijangka berterusan hingga awal pagi Rabu.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) dalam satu kenyataan, Selasa, keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

--BERNAMA





## Angkasa Perkenalkan Sijil Patuh Syariah Ke Peringkat Antarabangsa

KUALA TERENGGANU, 31 Mac (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berhasrat memperkenalkan sijil patuh syariah hingga ke peringkat antarabangsa berikutan minat negara-negara luar tentang kewangan Islam dan produk halal.

Presidennya Datuk Abdul Fatah Abdullah berkata untuk itu Angkasa telah berbincang dengan [SIRIM](#) supaya sijil patuh syariah itu dinaik taraf dan boleh diterima di peringkat antarabangsa.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Angkasa Negeri Terengganu di sini yang turut dihadiri Naib Presiden Angkasa Prof Madya Datuk Mohamad Ali Hasan.

Abdul Fatah berkata ketika ini sebanyak 200 buah koperasi di dalam negara telah mendapat sijil patuh syariah dan ia akan dikembangkan kepada koperasi lain di seluruh negara.

Beliau berkata koperasi mempunyai perniagaannya sendiri terutama melibatkan pembiayaan peribadi berbentuk pinjaman, jadi Angkasa akan memperluaskan penggunaan sijil patuh syariah ini kepada koperasi dalam negara terlebih dahulu.

Menyentuh Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) yang akan berkuatkuasa mulai Rabu, Abdul Fatah berkata setakat ini sebanyak 600 buah koperasi telah mendaftar untuk CBP.

Angkasa akan menggalakkan koperasi lain turut berbuat demikian.

Sementara itu, Mohamad Ali berterima kasih kepada kerajaan kerana mengecualikan koperasi di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) serta di sekolah-sekolah daripada CBP.

"Koperasi di IPTA/IPTS serta sekolah kebanyakannya menjual buku-buku dan pengecualian itu akan dimanfaatkan sebaik mungkin," katanya.

Pengecualian itu memberi manfaat kepada 2,300 buah koperasi sekolah dan IPTA melibatkan kira-kira dua juta ahli.

-- BERNAMA